KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA KPDN

24 JAM

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

Tarikh: **21 April 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 8

Stok penimbal gula putih di Sabah, Sarawak bermula 1 Mei

PAPAR - Stok penimbal gula putih akan diwujudkan di Sabah dan Sarawak bermula 1 Mei ini bagi memastikan bekalan gula di kedua-dua negeri tidak terjejas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, inisiatif itu dilaksanakan secara berperingkat susulan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri, 26 Mac lalu.

"Stok penimbal di Sabah, Sarawak dan Labuan akan bermula pada 1 Mei selepas perbincangan segera diadakan bersama dua pengilang utama," katanya.


ARMIZAN

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawang, Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar, di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengalat, di sini pada Ahad.

Menurutnya, sebanyak 1 juta kilogram gula akan disediakan menerusi stok penimbal tersebut bagi menangani gangguan bekalan, terutamanya menjelang musim perayaan.

"Stok ini hanya akan digunakan sekiranya berlaku gangguan bekalan. Buat masa ini, bekalan masih stabil. Namun, gangguan pernah berlaku akibat masalah import gula mentah ke Semenanjung dan harga pasaran global yang tinggi, menyebabkan pengilang mengurangkan pengeluaran.

"Apabila bekalan dikurangkan, kawasan yang terjejas adalah Sabah, Sarawak dan Labuan memandangkan kos perkapalan yang tinggi serta tempoh penghantaran yang panjang, iaitu sehingga lima hari ke Kuching dan tujuh hari ke Kota Kinabalu, belum termasuk kawasan pedalaman seperti Nabawan dan Sukau.

"Sebab itu, kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk menjayakan penubuhan stok penimbal ini, yang dianggarkan mencukupi bagi keperluan tiga hingga enam bulan sekiranya berlaku sebarang gangguan," katanya.

Armizan turut memaklumkan bahawa Kabinet telah meluluskan tambahan subsidi pengangkutan bagi penghantaran gula dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

"Sebelum ini, peruntukan subsidi sebanyak RM19 juta setahun, iaitu 10 sen bagi setiap kilogram. Kini, ia telah digandakan kepada RM38 juta," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 1

TUN Musa (lima dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Hajiji (empat dari kiri) dan Armizan (tiga dari kiri) di majlis itu.

Stok penimbal tangani gangguan bekalan gula di Sabah, Sarawak

Iskandar Dzulkifli

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melancarkan Stok Penimbal Gula Putih Bertapis bagi Sabah dan Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan (WP) Labuan bermula 1 Mei ini.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata mekanisme yang akan dilaksanakan secara berperingkat itu bertujuan menangani sebarang isu gangguan bekalan gula khususnya di musim perayaan.

Sekiranya berlaku gangguan bekalan katanya, stok penimbal itu dianggarkan mampu bertahan menyalurkan bekalan gula kepada pengguna secara konsisten dalam tempoh enam bulan.

Menurutnya, sebanyak 2,000 tan metrik ditetapkan bagi kadar stok penimbal itu iaitu masing-masing 1,000 tan metrik untuk Sabah termasuk Labuan dan 1,000 tan metrik untuk Sarawak.

"Sabah dan Sarawak bergantung penuh kepada bekalan gula dari Semenanjung dan situasi ini mampu menyebabkan gangguan bekalan khususnya di musim perayaan disebabkan permintaan tinggi.

"Ditambah lagi dengan faktor lojistik dan situasi global menyebabkan kemungkinan berlaku gangguan bekalan sangat besar sebagaimana yang terjadi pada bulan Ogos hingga Oktober tahun 2023 lalu.

"Justeru itu, KPDN merangka langkah khusus dengan mewujudkan Stok Penimbal Gula Putih Bertapis untuk Sabah dan Sarawak bagi menangani masalah ini dan telah dipersetujui jemaah menteri pada Mac tahun ini.

"Sekiranya ada gangguan bekalan selepas ini, kita akan 'release' stok (gula) ini," katanya ketika ditemui di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Papar dan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kawang, di sini, Ahad,

Hadir sama Yang Di Pertua Negeri Sabah (TYT) Tun Musa Aman dan isteri Toh Puan Faridah Tussin, Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Haji Noor serta isteri Datin Seri Julia Salag dan Adun Kawang Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar.

Lihat Muka Dua

Peruntukan tambahan untuk subsidi pengangkutan gula

Dari muka depan

Dalam pada itu, Armizan berkata, selain stok penimbal, kerajaan persekutuan juga telah meluluskan peruntukan tambahan bagi subsidi pengangkutan perkapalan dan penghantaran bekalan gula ke Sabah dan Sarawak.

Ahli Parlimen Papar itu berkata, sebanyak RM38 juta setahun disediakan untuk tujuan itu berbanding RM19 juta sebelum ini sekaligus menjadi langkah tambahan bagi menangani isu gangguan bekalan komoditi tersebut.

Menurutnya, langkah proaktif pihaknya itu selain dapat menstabilkan bekalan, inisiatif itu juga dapat menstabilkan harga dengan memastikannya berada di paras ditetapkan iaitu RM2.85 sekilogram.

"Kita hanya berharap import gula mentah dari luar dan untuk pengetahuan, harga gula mentah ini jauh lebih tinggi iaitu lebih kurang RM3.85 sekilogram namun kerajaan telah beri insentif RM1 bagi setiap kilogram.

"Inisiatif untuk tempoh masa sementara ini membolehkan harga gula ditetapkan pada RM2.85 sekilogram," katanya sambil memaklumkan tiada keperluan mewujudkan stok penimbal bekalan lainnya kerana negara mempunyai bekalan domestik mencukupi.

Terdahulu, Tun Musa dan Hajiji menyampaikan sumbangan tunai kepada 200 golongan asnaf di majlis itu yang dihadiri lebih 10,000 pengunjung.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 16

Dilaksana mulai 1 Mei 2025 - Armizan

Stok penimbal gula putih bertapis di Sabah, Sarawak dan Labuan

Oleh **JOHN TAMBANAN**

PAPAR: Kerajaan sentiasa memantau dan memastikan bekalan barangan keperluan harian rakyat sentiasa mencukupi di pasaran terutamanya ketika permintaan meningkat di musim perayaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarah Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ini penting kerana bekalan yang mencukupi juga akan mempengaruhi penawaran harga berpatutan di pasaran.

"Mengambil kira terdapat bekalan barangan keperluan harian di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan yang bergantung sepenuhnya daripada Semenanjung Malaysia, langkah khusus perlu dilaksanakan untuk menangani isu gangguan bekalan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena majlis Sambutan Aidilfitri MP Papar dan ADUN Kawang, di Dewan SMK Pengalat, Papar.

Armizan berkata, antara barangan yang terbabit adalah gula putih bertapis yang keseluruhan bekalan diperolehi daripada Semenanjung Malaysia disebabkan tidak wujudnya pengilang di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

MERIAH...Armizan (enam dari kiri, tengah) dan Ghulam Haidar (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama para petugas media sempena Majlis Sambutan Aidilfitri MP Papar dan ADUN Kawang di SMK Pengalat.

"Ini mengakibatkan berlaku gangguan bekalan gula putih bertapis pada masa tertentu seperti gangguan serius yang pernah terjadi pada bulan Ogos hingga Oktober 2023.

"Ini ditambah dengan faktor logistik iaitu penghantaran bekalan melalui perkapalan dari Semenanjung Malaysia yang memerlukan masa lima hari ke Sarawak dan tujuh hari ke Sabah.

Atas sebab itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merangka langkah khusus untuk mewujudkan stok penimbal gula putih bertapis di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

Syor ini telah dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri Persekutuan pada 26 Mac 2025," katanya.

Armizan berkata, susulan daripada keputusan tersebut, Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarah Hidup (KPDN) akan mengeluarkan Arahan Pengawal Bekalan kepada kedua-dua syarikat pengilang di Semenanjung Malaysia iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad dan Central Sugars Refinery (CSR) Sdn Bhd.

SIDANG MEDIA .... Armizan ketika bercakap kepada media selepas Majlis Sambutan Aidilfitri MP Papar dan ADUN Kawang di SMK Pengalat.

Katanya, jumlah stok penimbal yang ditetapkan adalah pada kadar 1,000 metrik tan (1 juta kilogram) untuk keperluan di Sabah dan WP Labuan dan 1,000 metrik tan untuk keperluan di Sarawak secara berperingkat bermula 1 Mei 2025.

Beliau berkata, sebagaimana yang telah diumumkan sebelum ini, selain penyediaan stok penimbal, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan tambahan untuk subsidi pengangkutan perkapalan bagi penghantaran bekalan gula putih bertapis ke Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

Katanya, peruntukan yang disediakan kini adalah sebanyak RM38 juta setahun, berbanding RM19 juta setahun sebelum ini iaitu peningkatan daripada 10 sen kepada 20 sen bagi setiap kilogram. Selain itu, katanya Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mac 2025 juga bersetuju untuk KPDN menubuhkan Jawatankuasa Pensta-bilan Bekalan dan Harga.

"Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh kementerian, jabatan, agensi serta pemain-pemain industri berkaitan yang akan bersidang sekurang-kurangnya enam kali setahun.

KPDN berharap usaha bersepadu ini akan terus berupaya menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup, kestabilan bekalan dan harga secara lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Sambutan Aidilfitri MP Papar dan ADUN Kawang dimeriahkan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri, Tun Musa Haji Aman dan isteri Toh Puan Faridah Tussin serta Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor dan isteri Datin Seri Panglima Datuk Hjh Juliah Salag.

Ketibaan musa disambut Armizan dan ADUN Kawang, Datuk Seri Ghulam Haidar Khan Bahadar. Kira-kira 18,000 pengunjung menghadiri majlis itu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 3

Stok penimbal gula putih bertapis di Sabah bermula 1 Mei

Turut melibatkan Sarawak dan Labuan kerana tiada pengilang

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Kerajaan sentiasa memantau dan memastikan bekalan barangan keperluan harian rakyat sentiasa mencukupi di pasaran terutamanya ketika permintaan meningkat di musim perayaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia penting kerana bekalan yang mencukupi juga akan mempengaruhi penawaran harga berpatutan di pasaran.

Katanya, langkah khusus perlu dilaksanakan bagi menangani isu gangguan bekalan memandangkan terdapat bekalan barangan keperluan harian di Sabah, Sarawak dan Labuan yang bergantung sepenuhnya daripada Semenanjung.

"Antara barangan yang terbabit adalah gula putih bertapis yang keseluruhan bekalan diperolehi daripada Semenanjung disebabkan tidak wujudnya pengilang di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Ini mengakibatkan berlaku gangguan bekalan gula putih bertapis pada masa tertentu seperti gangguan serius yang pernah terjadi pada bulan Ogos hingga Oktober 2023.

"Ia ditambah dengan faktor logistik iaitu penghantaran bekalan melalui perkapalan dari Semenanjung yang memerlukan masa lima hari ke Sarawak dan tujuh hari ke Sabah," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Papar berkata demikian sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawang, di sini, semalam.

Turut hadir, Yang Dipertua Negeri Tun Musa Aman; Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor dan ADUN Kawang Datuk Seri Gulamhaidar @ Yusof Khan Bahadar.

Menurutya, atas sebab itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merangka langkah khusus untuk mewujudkan stok penimbal gula putih bertapis di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Syor ini telah dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri Persekutuan pada 26 Mac lalu dan susulan itu, KPDN akan mengeluarkan Arahan Pengawal Bekalan kepada syarikat pengilang di Semenanjung Malaysia iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad dan Central Sugars Refinery (CSR) Sdn Bhd.

SUMBANGAN: Armizan ketika mengiringi Hajiji menyampaikan sumbangan kepada golongan memerlukan pada majlis itu.

"Jumlah stok penimbal yang ditetapkan adalah pada kadar 1,000 metrik tan (1 juta kilogram) untuk keperluan di Sabah dan WP Labuan dan 1,000 metrik tan untuk keperluan di Sarawak secara berperingkat bermula 1 Mei ini," katanya.

Beliau berkata, selain penyediaan stok penimbal, kerajaan Persekutuan juga meluluskan peruntukan tambahan untuk subsidi pengangkutan perkapalan bagi penghantaran bekalan gula putih bertapis ke Sabah, Sarawak dan Labuan.

Armizan berkata, peruntukan yang disediakan kini adalah sebanyak RM38 juta setahun, berbanding RM19 juta setahun sebelum ini iaitu peningkatan daripada 10 sen kepada 20 sen bagi setiap kilogram.

"Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mac lepas juga bersetuju untuk KPDN menubuhkan Jawatankuasa Penstabilan Bekalan dan Harga.

"Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh kementerian, jabatan, agensi serta pemain-pemain industri berkaitan yang akan bersidang sekurang-kurangnya enam kali setahun.

"Saya berharap usaha bersepadu ini akan terus berupaya menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup, kestabilan bekalan dan harga secara lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 21

KPDN Terengganu kompaun 24 peniaga culas, ramai tidak pamer tanda harga

KUALA NERUS – Seramai 24 peniaga di Terengganu telah dikompaun selepas didapati melakukan pelbagai jenis kesalahan berkaitan kepenggunaan sepanjang penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri baru- baru ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, Mohd. Mufsi Lat berkata, seramai 20 peniaga terbabit didapati melanggar Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011, manakala bakinya di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Antara kesalahan yang dikenal pasti ialah tidak mempamerkan tanda harga dan menggunakan alat timbang yang tidak ditentusahkan atau tamat tempoh.

"Sebahagian mereka juga tidak memasang tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal sewaktu tempoh SHMMP Hari Raya Aidilfitri antara 24 Mac hingga 7 April lalu," katanya ketika ditemui pada majlis Apresiasi Kepenggunaan sempena Hari Raya Aidilfitri di sini semalam.

Mohd. Mufsi berkata, operasi SHMMP Hari Raya Aidilfitri di Terengganu melibatkan 118 anggota penguat kuasa.

> "Antara kesalahan yang dikenal pasti ialah tidak mempamerkan tanda harga dan menggunakan alat timbang yang tidak ditentusahkan atau tamat tempoh."
>
> **MOHD. MUFSI LAT**

Beliau berkata, anggota penguatkuasa terbabit ditugaskan memantau lokasi-lokasi perniagaan menjadi tumpuan orang ramai.

"Mereka turut dibantu 57 orang pegawai pemantau harga (PPH) KPDN Terengganu bagi melakukan pemantauan.

"Sebanyak 3,939 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negeri ini sepanjang pelaksanaan operasi SHMMP Hari Raya Aidilfitri berkenaan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 4

KPDN kesan 24 kes Ops Pantau, SHMMP Hari Raya Puasa

KUALA NERUS: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu mengesan sebanyak 24 kes membabitkan pelbagai kesalahan menerusi Ops Pantau dan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025.

Pengarahnya Mohd Mufsi Lat berkata, kes itu dikesan hasil pemeriksaan ke atas 3,939 premis, termasuk bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar raya, kedai runcit dan pasar raya mini.

Mohd Mufsi berkata, daripada 24 kes berkenaan, 20 kes melibatkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011 manakala empat lagi membabitkan Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Ops Pantau telah dilaksanakan bermula 2 hingga 30 Mac manakala SHMMP pula 24 Mac hingga 7 April lalu.

"Ops Pantau menumpukan kepada beberapa aspek utama seperti pemantauan bekalan dan harga barangan, jualan murah dan pelabelan halal manakala SHMMP bertujuan mengekang aktiviti manipulasi harga barangan ketika musim perayaan.

"Antara kesalahan utama dikenal pasti iaitu tidak meletakkan tanda harga dan menggunakan alat timbang tamat tempoh atau tidak ditentusahkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Apresiasi Kepenggunaan Bersama Pelanggan KPDN Terengganu di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd Mufsi berkata walaupun musim perayaan sudah berakhir, pihaknya akan terus meningkatkan pemantauan harga di premis tumpuan ramai.

Beliau berkata, di Terengganu seramai 118 anggota penguat kuasa KPDN dan 57 Pegawai Pemantau Harga (PPH) siap sedia bertugas bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan.

— Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 27

KPDN rekod 284 kes rampasan bernilai lebih RM800,000

KOTA BHARU - Sebanyak 284 kes rampasan membabitkan nilai keseluruhan lebih RM800,000 direkodkan tahun ini sehingga Sabtu lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 14 kes sudah dituduh di mahkamah dengan nilai denda berjumlah RM50,000 manakala kompaun pula sebanyak RM50,300.

"Sebanyak 55 tangkapan juga direkodkan sepanjang tempoh ini," katanya ketika Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPDN pada Ahad.

Dalam pada itu, Azman berkata, bagi kes melibatkan Akta Kawalan Bekalan 1961, sebanyak 94 kes dibuka dengan nilai rampasan barang kawalan dianggarkan berjumlah RM136,713.58.

Bagaimanapun, jelasnya, jumlah keseluruhan nilai rampasan bagi kes berkenaan adalah RM804,996 dengan 54 tangkapan.

"Bagi kes ini, nilai kompaun dikeluarkan ialah RM130,300 selain denda diperintahkan mahkamah berjumlah RM50,000," jelasnya.

Sementara itu, dalam tempoh sama, Azman berkata, KPDN menyita 20,846 liter petrol bernilai RM43,251 manakala 14,963 liter diesel membabitkan nilai RM42,435.

"KPDN juga menerima 55 kes serahan daripada agensi penguat kuasa lain membabitkan barang kawalan termasuk petrol, diesel, gas memasak (LPG), gula, minyak masak dan tepung gandum dengan nilai rampasan berjumlah RM113,387.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau pihak yang terlibat dalam penyeludupan barang kawalan bersubsidi bagi memastikan kestabilan bekalan serta melindungi hak pengguna," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 27

24 peniaga dikompaun sepanjang Ops Pantau, SHMMP 2025

KUALA NERUS - Seramai 24 peniaga dikenakan kompaun sepanjang pelaksanaan Ops Pantau 2025 dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, Mohd Mufsi Lat berkata, tindakan itu diambil hasil pemeriksaan terhadap 3,939 premis sepanjang operasi dijalankan bermula 2 Mac hingga 7 April lalu.

"Pemeriksaan dijalankan melibatkan premis tumpuan termasuk bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar raya dan kedai runcit.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 20 kes direkodkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 manakala empat kes disiasat di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Antara kesalahan dikesan ialah peniaga gagal mempamerkan tanda harga, menggunakan alat timbang tidak ditentusahkan atau tamat tempoh serta gagal meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan kawalan," katanya ketika ditemui pada Majlis Apresiasi KPDN bersama pelanggan di sini pada Ahad.

Beliau berkata, pelaksanaan operasi itu berjaya memastikan peniaga mematuhi peraturan harga sepanjang musim perayaan, sekali gus memberi ruang kepada pengguna berbelanja pada harga munasabah.

Dalam pada itu, katanya, KPDN Terengganu turut mempergiat usaha meningkatkan keberadaan 118 anggota penguat kuasa di lokasi tumpuan pengguna dan 57 Pegawai Pemantau Harga (PPH) bagi memastikan peniaga sentiasa mematuhi undang-undang.

"Saya mengingatkan peniaga supaya mematuhi peraturan bukan hanya ketika musim perayaan tetapi sepanjang masa selaras dengan amalan perniagaan beretika di bawah gerakan Biz-BERKAT.

"Kita mengalu-alukan sebarang aduan orang ramai berkaitan hal kepenggunaan termasuk aduan," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 10

KPDN kesan 24 kes Ops Pantau, SHMMP Hari Raya Puasa

KUALA NERUS: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu mengesan sebanyak 24 kes membabitkan pelbagai kesalahan menerusi Ops Pantau dan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025.

Pengarahnya Mohd Mufsi Lat berkata, kes itu dikesan hasil pemeriksaan ke atas 3,939 premis, termasuk bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar raya, kedai runcit dan pasar raya mini.

Mohd Mufsi berkata, daripada 24 kes berkenaan, 20 kes melibatkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011 manakala empat lagi membabitkan Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Ops Pantau telah dilaksanakan bermula 2 hingga 30 Mac manakala SHMMP pula 24 Mac hingga 7 April lalu.

"Ops Pantau menumpukan kepada beberapa aspek utama seperti pemantauan bekalan dan harga barangan, jualan murah dan pelabelan halal manakala SHMMP bertujuan mengekang aktiviti manipulasi harga barangan ketika musim perayaan.

"Antara kesalahan utama dikenal pasti iaitu tidak meletakkan tanda harga dan menggunakan alat timbang tamat tempoh atau tidak ditentusahkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Apresiasi Kepenggunaan Bersama Pelanggan KPDN Terengganu di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd Mufsi berkata walaupun musim perayaan sudah berakhir, pihaknya akan terus meningkatkan pemantauan harga di premis tumpuan ramai.

Beliau berkata, di Terengganu seramai 118 anggota penguat kuasa KPDN dan 57 Pegawai Pemantau Harga (PPH) siap sedia bertugas bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 3

阿米占：確保東馬供應充足
“白糖緩衝庫存”5月實施

（吧巴20日讯）为应对沙巴、砂拉越及纳闽联邦直辖区白糖供应不稳定的问题，联邦政府将于下个月（5月1日）起分阶段实施缓冲库存机制，确保上述地区白糖供应充足且价格稳定。

国内贸易及生活费部长拿督阿米占今日作出这项宣布时说，此举措旨在保障民生必需品供应，尤其在节日需求高峰期间，避免价格波动影响东马民众生活。

他在文告中说，沙巴、砂拉越及纳闽无本地白糖生产商，完全依赖半岛的供应链，过去曾因物流延误（半岛至砂拉越需5天、至沙巴需7天）及2023年8至10月的严重供应中断事件，导致市场短缺。

“为此，内贸部草拟成立沙砂闽白糖缓冲库存机制的专门工作建议，联邦内阁于今年3月26日会议中通过批准。”

他指出，在内阁批准下，内贸部将指定半岛两家制造商——大马糖厂（MSM）和中央制糖厂（CSR），分阶段建立共计2000公吨（200万公斤）缓冲库存，其中沙巴及纳闽配额1000公吨，砂拉越1000公吨。

增补贴 降运输成本

“此外，年度海运补贴从1900万令吉增至3800万令吉，补贴率由每公斤10仙提升至20仙，以降低运输成本。”

阿米占表示，内阁也同意成立“供应与价格稳定委员会”，由相关部门、机构及行业代表组成，每年至少召开6次会议，统筹解决生活成本、供应链及物价问题。

阿米占：“白糖缓冲库存”举措旨在保障民生必需品供应，在节日期间避免价格波动影响东马民众生活。（档案照）

“内贸部希望通过多管齐下的政策，更有效地持续克服影响东马民众生活的必需品供应和价格相关课题。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 5

Batal lesen agensi tipu pakej haji, umrah

SHAH ALAM - Agensi pakej haji dan umrah yang berdaftar tetapi terlibat dalam penipuan akan dikenakan tindakan pembatalan lesen serta-merta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa ejen yang berlesen tetapi menyalahgunakan kepercayaan jemaah.

"Lesen mereka telah dibatalkan dan tindakan lanjut sedang diambil.

"Kes melibatkan penipuan ini bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa, malah mencemarkan nama baik institusi ibadah haji itu sendiri," katanya.

Beliau turut menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mahu kerajaan serius menangani penipuan pakej haji dengan lebih serius.

Mohd Na'im menjelaskan, tindakan itu diambil melalui kerjasama strategik antara Lembaga Tabung Haji (TH), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut beliau, tindakan itu bagi memastikan pihak tidak bertanggungjawab yang memperdaya umat Islam dikenakan tindakan tegas tanpa kompromi.

Menurut Mohd Na'im, promosi haji palsu yang disebarkan menerusi platform digital kini menjadi trend yang membimbangkan dan memerlukan pemantauan bersama oleh semua pihak berkuasa.

Dalam masa sama, beliau turut meminta orang ramai membuat semakan terlebih dahulu sama ada agensi yang dihubungi memiliki lesen sah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 13

MyIPO permudah proses daftar hak cipta

HHIN 2025 beri kesedaran mengenai peranan hak cipta dalam melindungi karya muzik tempatan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
PETALING JAYA

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

KAMAL

Perlindungan terhadap hak cipta karya muzik di Malaysia masih berada pada tahap sederhana apabila jumlah pendaftaran secara rasmi masih rendah berbanding jenis karya lain seperti sastera dan filem.

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Kamal Kormin berkata, situasi itu sekali gus boleh membuka ruang kepada isu pelanggaran hak cipta tanpa disedari atas kurangnya pendidikan tentang perlindungan terhadap hak cipta.

Menurutnya, hanya 786 karya muzik telah didaftarkan di bawah sistem Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (CVN) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2012 sehingga Februari 2025.

"Sebagai perbandingan, pada tahun 2024 sahaja, MyIPO menerima 7,382 permohonan bagi karya sastera, berbanding hanya 95 permohonan untuk karya muzik dalam tempoh sama.

"Ini menunjukkan penggiat seni muzik masih belum memanfaatkan sepenuhnya peluang untuk mendaftarkan karya mereka secara sah," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Menara MyIPO, di sini baru-baru ini.

Disebabkan itu katanya, sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2025 mengangkat tema 'Muzik Kita, Milik Kita' dengan objektif memperkukuh kesedaran awam mengenai peranan hak cipta dalam melindungi karya muzik tempatan, selain mengiktiraf sumbangan besar pencipta, penyanyi dan pemuzik dalam industri kreatif.

Ia juga selaras dengan tema sambutan *World IP Day 2025* di peringkat global, iaitu *IP & Music: Feel the Beat of IP*, yang menekankan muzik sebagai ekspresi budaya yang bernilai dan wajar dipelihara daripada pelanggaran hak cipta.

Tambah Kamal, dalam usaha mempercepat dan memudahkan proses pendaftaran hak cipta, MyIPO telah melancarkan inisiatif baharu dinamakan *CR2U (Copyright to You)* pada tahun 2023, yang membolehkan pemohon memperoleh notis dan sijil pemberitahuan hak cipta dalam tempoh sekitar 30 minit sahaja.

Jelasnya, sebelum ini, proses Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (CVN) mengambil masa antara tiga hingga enam bulan namun dengan CR2U, pemohon hanya perlu hadir ke pejabat MyIPO dan menyediakan maklumat asas seperti nama pencipta dan pemilik, tajuk karya, salinan karya yang ingin dilindungi serta dokumen sokongan.

"Ini memberikan satu kelebihan dalam bentuk perekodan yang sah di sisi undang-undang, yang boleh digunakan sebagai instrumen pembuktian prima facie sekiranya berlaku pelanggaran hak cipta," katanya.

> "Ini tetap dianggap salah satu pelanggaran hak cipta dan perlu ditangani dengan penguatkuasaan serta kesedaran advokasi secara meluas."
>
> - Kamal Kormin

Beliau turut mendedahkan bahawa sejak pelaksanaan CR2U, jumlah permohonan CVN telah meningkat secara mendadak.

Pada tahun 2024, sebanyak 9,363 permohonan diterima berbanding 6,807 pada tahun sebelumnya yang mana inisiatif CR2U antara faktor penyumbang kepada peningkatan permohonan, membuktikan bahawa apabila proses dipermudahkan, kesedaran untuk melindungi karya turut meningkat.

Royalti melalui pelesenan sah

Menjelaskan isu pelanggaran hak cipta muzik terutama dalam penggunaan karya di platform digital seperti TikTok, Instagram dan YouTube, Kamal berkata, penggunaan lagu secara sah tertaklik kepada perjanjian pelesenan antara platform digital dengan organisasi pengurusan kolektif (CMO) yang mewakili pemilik hak cipta muzik.

"Jika platform tersebut mempunyai lesen sah, royalti akan diagihkan kepada penggiat muzik yang merupakan ahli kepada CMO.

"Namun, cabaran utama datang daripada pengguna yang telah biasa dengan norma memuat naik kandungan muzik tanpa kebenaran pemilik hak cipta, walaupun tanpa tujuan komersial.

"Ini tetap dianggap salah satu pelanggaran hak cipta dan perlu ditangani dengan penguatkuasaan serta kesedaran advokasi secara meluas," jelas beliau.

Kamal memberitahu bahawa kes pelanggaran hak cipta bukanlah sesuatu yang asing di Malaysia.

Mengulas persoalan sama ada karya muzik yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan (AI) layak mendapat perlindungan hak cipta, Kamal menjelaskan bahawa Malaysia masih mengekalkan dasar semasa iaitu hanya karya ciptaan manusia sahaja yang layak mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987.

"Jika karya dihasilkan sepenuhnya oleh AI tanpa sebarang ekspresi kreatif manusia, maka ia tidak layak untuk dilindungi. Ini juga menjadi pendirian kebanyakan negara lain termasuk Amerika Syarikat dan United Kingdom.

"Bagaimanapun, jika AI digunakan sebagai alat dan terdapat penglibatan manusia dalam proses penciptaan, contohnya dalam penulisan lirik, penyusunan nota lagu atau melodi dalam sumbangan berbentuk minimum, maka karya tersebut berkemungkinan boleh dipertimbangkan untuk perlindungan," katanya.

Tambah beliau, kerajaan melalui MyIPO sedang mengikuti rapat perkembangan antarabangsa dan perbincangan di peringkat *World Intellectual Property Organization* (WIPO) untuk merangka garis panduan lebih komprehensif pada masa hadapan.

David Teo pemilik hak cipta terbanyak

Berdasarkan data MyIPO, antara penggiat seni tempatan yang aktif mendaftarkan karya mereka sebagai hak cipta ialah Datuk David Teo dari MIG Pictures Sdn Bhd dan MIG Production Sdn Bhd dengan 160 permohonan.

Ia diikuti Les' Copaque Production Sdn Bhd (17 permohonan), Datuk Afdlin Shauki Aksan (12 permohonan), Datuk Norman Abdul Halim dari KRU international (lapan permohonan), Datuk Yusof Haslam dari Skop Production (empat permohonan) dan Datin Paduka Shuhaimi Baba serta Rabbani Productions (M) Sdn Bhd, masing-masing tiga permohonan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 23

Harga minyak rendah buka ruang laksana subsidi bersasar RON95

Kerajaan perlu manfaat peluang teruskan usaha reformasi ekonomi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Harga minyak mentah Brent yang rendah di bawah AS$70 setong pada masa ini dilihat memberi ruang kepada kerajaan untuk meneruskan rancangan pelaksanaan subsidi bersasar RON95 meskipun persekitaran global mencabar, demikian menurut penganalisis.

Namun, penganalisis menegaskan mekanisme pelaksanaan perlu berjalan lancar memastikan golongan layak menerima subsidi terus mendapat manfaat.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berpendapat sebaiknya pelaksanaan subsidi bersasar RON95 tidak ditangguhkan kerana kerajaan perlu berbelanja kepada perkara mendatangkan produktiviti tinggi seperti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur.

Beliau berkata, jika pelaksanaannya ditangguhkan boleh menjejaskan kredibiliti kerajaan dalam melaksanakan reformasi ekonomi.

Di samping itu, katanya, harga minyak mentah Brent berada di paras agak rendah dan ini membuka peluang bagi kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api kerana perbezaan di antara harga subsidi dan harga pasaran adalah kecil.

Menurutnya, meskipun tidak dinafikan risiko pertumbuhan ekonomi global yang lembab bakal memberi kesan kepada ekonomi negara, namun ia bukan sebab yang boleh membantutkan usaha memperbaiki kedudukan kewangan kerajaan.

"Oleh itu, kita perlu jelas mengenai permasalahan yang dihadapi dan penyelesaian yang perlu dilaksanakan.

"Dalam konteks semasa, masalahnya adalah dasar tarif Amerika Syarikat (AS) kerana mereka merasakan perdagangan antarabangsa dilaksanakan dalam terma tidak adil sehingga menyebabkan defisit dalam imbangan dagangan AS.

"Oleh itu, langkah untuk tidak mengenakan tarif timbal balas ke atas AS dan mengadakan rundingan dengan mereka adalah tindakan yang tepat," katanya kepada *BH*.

Mantapkan strategi komunikasi

Mengulas lanjut, Mohd Afzanizam berkata, strategi komunikasi perlu dimantapkan agar rakyat faham dan mengerti mengenai tujuan rasionalisasi subsidi bahan api dilaksanakan.

Tarif timbal balas dikenakan AS baru-baru ini mencetuskan polemik dalam kalangan ahli ekonomi mengenai keperluan kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi RON95 seperti yang dijadualkan pada pertengahan tahun ini.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERC), Lee Heng Guie, baru-baru ini berkata, ketidaktentuan yang dicetuskan impak tarif AS berpotensi menjejaskan prestasi eksport negara.

Menurutnya, kebanyakan ahli ekonomi melihat ekonomi negara akan menyederhana kepada 4.0 peratus dan jika keadaan menjadi lebih buruk, boleh menjadi lebih rendah lagi.

Justeru, katanya, kerajaan perlu memberi tumpuan kepada langkah untuk mengekang kesan kelembapan eksport ke atas sektor domestik.

"Kami yang datang dari dewan perniagaan memberitahu kerajaan supaya menangguhkan beberapa perubahan dasar domestik.

> "Strategi komunikasi perlu dimantapkan agar rakyat faham dan mengerti mengenai tujuan rasionalisasi subsidi bahan api dilaksanakan"

Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd

"Bagi rasionalisasi subsidi RON95, potensi kenaikan tarif elektrik, levi pelbagai peringkat untuk pekerja asing dan perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diharap boleh ditangguh buat masa ini memandangkan ketidakpastian yang ketara terhadap kesan tarif ke atas sektor luaran dan berpotensi mencetuskan kesan terhadap ekonomi domestik," katanya pada sesi panel sempena Sidang Meja Bulat Bursa Malaysia-ECKL-CIMB.

Dalam pada itu, RHB Investment Bank berpendapat, rasionalisasi subsidi RON95 akan berlaku, namun berpotensi ditangguhkan berikutan kriteria penuh untuk kelayakan, yang asalnya dijadualkan untuk pengumuman pada suku pertama 2025 belum kelihatan.

Menurut bank pelaburan itu, adalah difahamkan MyKad akan digunakan bersama dengan sistem harga dua peringkat, walaupun ia mungkin tertakluk kepada salah guna.

Katanya, dengan klasifikasi T15, iaitu mereka yang tidak layak untuk subsidi masih dikaji semula, terdapat kemungkinan ia boleh melambatkan pelaksanaan melangkaui pertengahan 2025.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 30

DBKL laksana lebih 1,000 tindakan sejak Januari

PETALING JAYA: Lebih 1,066 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak awal tahun ini melalui operasi serta rondaan harian yang dijalankan secara berterusan.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Mohd. Muzammer Jamaluddin berkata, tindakan tersebut memfokuskan kepada penjaja haram dan individu yang menjalankan kegiatan tidak sah khususnya dalam kalangan warga asing.

Katanya, sebanyak lapan premis telah dikenakan tindakan menerusi operasi bersepadu terbaharu di Brickfields.

"Operasi itu dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi penguatkuasaan lain termasuk Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Empat premis telah diarahkan tutup, masing-masing dua di bawah Undang-undang Kecil (UUK) Tred Perniagaan dan Perusahaan (WPKL) 2016 manakala dua lagi di bawah Akta Makanan 1983," katanya.

DBKL turut mengeluarkan tujuh notis atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengikut UUK Tred Perniagaan dan Perusahaan (WPKL) 2016.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 27

Peniaga gusar jika harga kelapa naik lagi

Jual santan pada harga RM20 sekilogram tampung kos bekalan tinggi

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
ALOR SETAR



Mohd Sufi menunjukkan harga jualan santan di kedainya.

Peniaga santan segar bimbang kemungkinan harga kelapa import terus mengalami kenaikan disebabkan tiada campur tangan pihak berkuasa.

Peniaga santan, Mohd Sufi Yazid, 41, berkata, ketika ini kenaikan tertinggi dicatatkan adalah pada minggu lalu sebanyak RM3.20 sekilogram.

Katanya, harga bahan mentah itu menunjukkan peningkatan mendadak sejak Oktober tahun lalu dan terus melonjak selepas Aidilfitri.

APA CEGHITA

"Pada Oktober tahun lalu, kenaikan cuma RM1.80 sekilogram dan masih boleh terima sebab tidak membebankan.

"Namun hari raya baru-baru ini, harga naik sehingga RM2.90 sekilogram, jadi saya jual santan pada harga RM18 sekilogram walaupun untung sedikit.

"Selepas itu harga naik lagi iaitu RM3.20 sekilogram minggu lalu dan terpaksa menjual santan RM20 sekilogram bagi mengelak kerugian," katanya.

Menurutnya, ada ura-ura harga kelapa import akan naik mencecah RM3.50 sekilogram yang sudah pasti membebankan peniaga kecil.

"Dah sembilan tahun saya berniaga, tapi tahun ini paling teruk. Kalau harga terus naik tanpa kawalan, memang ramai peniaga tutup kedai," katanya.

Dakwanya, kekurangan bekalan kelapa dari Indonesia dipercayai menjadi punca kenaikan harga setiap minggu.

"Saya harap ada campur tangan kerajaan berkaitan isu kelapa ini. Bagi peniaga santan seperti kami, ini sahaja mata pencarian menyara keluarga.

"Kalau terpaksa gulung tikar, tak tahu apa nasib kami nanti," ujarnya.

Bagi Kasmawati Abdul Karim, 44, dari Pendang, mengakui pernah menghentikan operasi ketika Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Aidilfitri dari 24 Mac hingga 7 April lalu.

"Ketika itu kerajaan menetapkan harga siling RM17.50 sekilogram tetapi saya tidak mampu menjual pada harga tersebut disebabkan harga kelapa melambung tinggi," katanya.

Jelasnya, sepanjang tempoh tersebut, dia tidak berani menjual santan melebihi harga siling kerana bimbang didenda Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kerana ingkar arahan ditetapkan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 12

Harga santan segar cecah RM20 sekilo

- **Kenaikan antara RM3 hingga RM8 sekilogram**
- **Kekurangan bekalan kelapa tempatan jadi punca**

Oleh MOHD. AZLI ADLAN, NOOR HASLIZA NUSI, NABILA NATASHA YUSMADIE, ARINA MOHD NOOR dan ROSLIZA MOHAMED

KUALA LUMPUR – Kekurangan bekalan kelapa tempatan dan kenaikan harga kelapa import menjadi antara punca kenaikan harga santan segar sehingga RM20 sekilogram di kebanyakan negeri di seluruh negara.

Tinjauan *Kosmo!* di Pasar Raja Bot, Chow Kit di sini, kelmarin mendapati, santan segar kini dijual pada harga RM18 sekilogram berbanding RM15 sekilogram pada akhir tahun lalu.

Beberapa peniaga memaklumkan bekalan kelapa kini banyak diperoleh dari Indonesia memandangkan stok kelapa tempatan sukar didapati.

Seorang peniaga santan, Liew Yoke Chin, 45, berkata, harga bahan mentah itu mula naik sejak Disember tahun lalu.

"Tahun lepas saya jual santan sekitar RM15 sekilogram, tapi hujung tahun lalu harganya mula naik dan kini terpaksa dijual pada harga RM18 sekilogram.

"Sukar untuk mengekalkan harga berpatutan kerana saya terpaksa membeli buah kelapa pada harga yang tinggi," katanya.

Peniaga, Putri Ainin Syafika Wasri, 18, pula berkata, pembekal sering menaikkan harga dengan alasan stok kelapa terhad.

"Kenaikan ini memang terasa. Pembekal selalu main harga, hari ini naik, minggu depan naik lagi. Kalau pembekal letak harga tinggi, kita terpaksa jual dengan harga tinggi. Itu pun belum termasuk kos-kos lain.

WAN MOHD. SYUKRI melayan pelanggan yang membeli santan di gerainya di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu kelmarin.

PUTRI AININ melayan pelanggan yang membeli santan di premisnya di Pasar Raja Bot, Chow Kit, Kuala Lumpur kelmarin.

"Walaupun harga meningkat, permintaan santan segar tetap tinggi," katanya.

Di **Kuala Terengganu,** rata-rata peniaga terpaksa menaikkan harga santan segar lebih 50 peratus berbanding pada bulan Ramadan lalu ekoran stok yang tidak mencukupi dan harga bekalan yang semakin mahal.

Peniaga, Wan Mohd. Syukri Wan Muda berkata, dia terpaksa menaikkan harga santan segar RM20 sekilogram berbanding RM13 sekilogram pada bulan puasa lalu.

"Harga sebiji kelapa sudah mencecah RM4. Itupun saya baru terima semula bekalan kelmarin.

"Sebelum ini, seminggu saya tidak dapat berniaga ekoran ketiadaan bekalan daripada pemborong," katanya di Pasar Chabang Tiga.

Menurutnya, bekalan kelapa yang diterima daripada pemborong di Kukup, Johor juga berkurangan cuma dua tan berbanding keperluan kira-kira lima tan seminggu.

Katanya, dua tan kelapa itu dijangka hanya mampu bertahan tiga hari kerana permintaan santan tetap tinggi pada Syawal ini.

"Pemborong mendakwa bekalan kelapa dari Indonesia bermasalah ekoran kekurangan tenaga kerja pada musim raya.

"Bekalan kelapa tempatan pula lagi bermasalah disebabkan pengeluaran kurang ekoran musim melawas.

"Masalah yang dihadapi ketika ini antara terburuk sejak saya berniaga santan lebih 30 tahun lalu," ujarnya.

Di **George Town,** peniaga santan berdepan dilema dengan kenaikan harga bahan mentah itu sejak Oktober tahun lalu dan berlarutan sehingga hari ini.

Peniaga, Mohd. Anuar Arbayee berkata, ia susulan kenaikan harga isi kelapa daripada pihak pengeluar di negara jiran.

Menurutnya, kenaikan harga isi kelapa berlaku secara berturut-turut sejak Oktober tahun lalu daripada peringkat pembekal iaitu daripada RM4.50 sekilogram kepada RM8.60 sekilogram.

"Situasi ini memaksa peniaga santan menaikkan harga santan daripada RM13 sekilogram (pada Oktober tahun lalu) kepada kira-kiraRM20 sekilogram hari ini.

"Kenaikan di peringkat pembekal berlaku dua hingga tiga kali dalam tempoh dua minggu. Tidak mungkin kami dapat mengekalkan harga lama.

"Bayangkan, untuk dapatkan sekilo santan kami perlukan dua kilogram isi kelapa. Bagaimana kami nak untung jualan jika tidak naikkan harga?" soalnya.

Di **Kota Bharu,** peniaga santan, Hafizul Suhaimi, 48, berkata, masalah bekalan kelapa berlaku sejak Januari lalu dengan peningkatan harga secara berperingkat daripada RM2.80 hingga RM3 dan RM3.50 sebiji ketika ini.

Katanya, keadaan itu menyebabkan dia menjual santan kepada pelanggan tetap sahaja kerana bekalan kelapa yang diperoleh hanya 200 biji sehari.

"Sebelum ini, saya tiada masalah untuk menjual santan kepada orang ramai. Buat masa ini, saya terpaksa mengehadkan jualan kerana bekalan kelapa berkurangan," katanya di Pasar Besar Siti Khadijah.

Tinjauan *Kosmo!* di Pasar Besar Siti Khadijah juga mendapati, harga santan dijual antara RM15 hingga RM17 sekilogram sejak beberapa bulan lalu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: ISNIN
TARIKH: 21/4/2025
M/SURAT: 7

Agensi berdaftar tipu jemaah haji boleh dibatal lesen serta-merta

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Agensi berdaftar yang didapati terlibat dalam penipuan tawaran pakej haji dan umrah dikenakan tindakan pembatalan lesen secara serta merta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa ejen berlesen namun menyalahgunakan kepercayaan jemaah.

"Lesen ejen terlibat telah dibatalkan dan tindakan lanjut juga sedang diambil ke atas mereka. Kes penipuan ini bukan saja memberi kesan kepada mangsa malah mencemarkan nama baik institusi ibadah haji itu sendiri," katanya ketika ditemui pada majlis penutupan Kursus Perdana Haji Musim 1446 Hijrah Peringkat Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Terdahulu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang berkenan menyempurnakan majlis itu mengingatkan jemaah haji tidak terpedaya dengan pakej palsu agensi tiada bertauliah.

SULTAN Sharafuddin Idris Shah berkenan beramah mesra dengan peserta Kursus Perdana Haji (KPH) Peringkat Negeri Selangor Musim Haji 1446H di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Baginda mahu kerajaan memandang serius perkara itu dan berharap tiada lagi kes jemaah ditipu pada masa akan datang.

Mengulas lanjut, kata Mohd. Na'im, beliau menjunjung titah Sultan Sharafuddin dan tindakan tegas dilaksanakan kerajaan melalui kerjasama strategik antara polis, Lembaga Tabung Haji (TH), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Tindakan itu diambil bagi memastikan pihak tidak bertanggungjawab yang memperdaya umat Islam dikenakan tindakan tegas tanpa kompromi.

"Kita menerusi TH juga akan bertindak segera ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam penipuan itu," ujarnya.

Tambah beliau, promosi palsu yang disebarkan menerusi platform digital kini menjadi trend membimbangkan dan memerlukan pemantauan semua pihak berkuasa.

"Kita tidak boleh membiarkan umat Islam terus menjadi mangsa penipuan tersebut. Ia bukan saja melibatkan kerugian wang ringgit namun memberi kesan kepada ibadah suci umat Islam yang terpedaya," katanya.

Justeru, Mohd. Na'im meminta orang ramai membuat semakan terlebih dulu bagi memastikan agensi itu memiliki lesen sah atau sebaliknya.

"Tolong semak sebelum bayar dan semakan mudah boleh dibuat antaranya menerusi sistem MOTAC (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) bagi umrah. Bagi semakan haji, hanya 37 Pengelola Jemaah Haji (PJH) yang diberi lesen oleh TH setakat ini," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA+A1:D9 ONLINE BERTARIKH 21 APRIL 2025			
TARIKH	**TAJUK**	**PAUTAN**	**MEDIA**
21-Apr	Op GASAK mulai 1 Mei banteras penyelewengan gas subsidi – Armizan	https://www.buletintv3.my/nasional/op-gasak-mulai-1-mei-banteras-penyelewengan-gas-subsidi-armizan/#google_vignette	TV3
21-Apr	Ops GASAK tangani isu ketirisan barang kawalan, subsidi bermula 1 Mei ini	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1386102/ops-gasak-tangani-isu-ketirisan-barang-kawalan-	BERITA HARIAN
21-Apr	KPDN lancar Ops GASAK, banteras penyelewengan subsidi gas memasak	https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/18/kpdn-lancar-ops-gasak-banteras-penyelewengan-subsidi-gas-memasak	UTUSAN BORNEO
21-Apr	Kenapa paparan harga ubat perlu dikecualikan, soal Armizan	https://www.sinarharian.com.my/article/723625/berita/nasional/kenapa-paparan-harga-ubat-perlu-dikecualikan-soal-armizan	SINAR HARIAN
21-Apr	TikTok Shop, KPDN perkenal tip #Shopsafe	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1208933/tiktok-shop-kpdn-perkenal-	HARIAN METRO
21-Apr	TikTok Shop, KPDN Unveil #ShopSafe Tips To Combat Online Scams	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2414029	BERNAMA
21-Apr	KPDN rampas pemacu pena, kad memori tiruan bernilai RM250,000	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/04/1208991/kpdn-rampas-pemacu-pena-kad-memori-tiruan-bernilai-	HARIAN METRO
21-Apr	KPDN Rampas Pemacu Pena, Kad Memori Tiruan Bernilai RM250,000	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2414069	BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

21-Apr	Stok penimbal gula putih di-wujudkan di Sabah, Sara-wak bermula 1 Mei - Armi-zan	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/723994	SINAR HARIAN
21-Apr	Kerajaan laksana stok pen-imbal gula putih di Sabah, Sarawak, Labuan bermula 1 Mei - Armizan	https://www.bharian.com.my/ amp/berita/ nasional/2025/04/1386874/ kerajaan-laksana-stok-penimbal-gula-putih-di-sabah-sarawak-	BERITA HARIAN
21-Apr	KPDN Kelantan rekod 284 kes dengan nilai rampasan lebih RM800,000	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-kelantan-rekod-284-kes-dengan-nilai -rampasan-lebih-rm800-000 -517427?amp=1	ASTRO AWANI
21-Apr	KPDN Kelantan rekod 284 kes dengan nilai rampasan lebih RM800,000	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/724004	SINAR HARIAN
21-Apr	Kelantan KPDN records over 200 violations, seizures exceed RM800,000	https://thesun.my/malaysia-news/kelantan-kpdn-records-over-200-violations-seizures-exceed-rm800000-OM13975649	THE SUN
21-Apr	KPDN Kelantan Rekod 284 Kes Dengan Nilai Rampasan Lebih RM800,000	https://www.bernama.com/ bm/news.php?id=2414779	BERNAMA
21-Apr	KPDN Kelantan laksana Program KOS atasi isu min-yak masak paket	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-kelantan-laksana-program-kos-atasi-isu-minyak-masak-paket-517426?amp=1	ASTRO AWANI
21-Apr	KPDN Kelantan beri amaran peniaga guna minyak masak peket	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/723996	SINAR HARIAN
21-Apr	KPDN Kelantan Laksana Program COSS Atasi Isu Minyak Masak Paket	https://www.bernama.com/ bm/news.php/dunia/ news.php?id=2414777	BERNAMA
21-Apr	KPDN Kesan 24 Kes Op Pantau, SHMMP Hari Raya Puasa	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2414758	BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

21-Apr	KPDN Terengganu kompaun 24 peniaga sepanjang musim Aidilfitri	https://www.kosmo.com.my/2025/04/20/kpdn-terengganu-kompaun-24-peniaga-sepanjang-musim-aidilfitri/	KOSMO
21-Apr	KPDN Terengganu laksana 3,939 pemeriksaan Ops Pantau, SHMMP	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/04/1209756/kpdn-terengganu-laksana-3939-pemeriksaan-ops-pantau-shmmp	HARIAN METRO
21-Apr	24 peniaga dikompaun sepanjang OPS Pantau, SHMMP di Terengganu	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/723983	SINAR HARIAN
21-Apr	KPDN Terengganu keluar 24 kompaun Skim Harga Maksimum	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/kpdn-terengganu-keluar-24-kompaun-skim-harga-maksimum/	UTUSAN MALAYSIA
21-Apr	Terengganu KPDN Records 24 Cases Under Op Pantau, Aidilfitri SHMMP	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php/news.php?id=2414742	BERNAMA
21-Apr	Terengganu KPDN records 24 cases under Op Pantau, Aidilfitri SHMMP	https://thesun.my/malaysia-news/terengganu-kpdn-records-24-cases-under-op-pantau-aidilfitri-shmmp-NM13974823	THE SUN
21-Apr	Expired scales, missing price tags top KPDN's Raya checks in Terengganu	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1204715/expired-scales-missing-price-tags-top-kpdns-raya-checks-terengganu#google_vignette	NEW STRAITS TIMES

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT